

Cik Neng Rohaiyah Abdul Rohim

Untuk cucu-cucuku yang tersayang,

Apa khabar? Tujuan Nenda menulis warkah ini ialah untuk menyampaikan pesan kepada cucu-cucu Nenda semua, sama ada yang boleh membaca atau pun tidak.

Sebelum itu ingin Nenda mengingatkan kamu sekalian bagaimana Nenda telah membesarkan kelima-lima anak Nenda dengan penuh kasih sayang, keikhlasan dan kesempurnaan lahir dan batin. Tidak sedikit pun di antara anak-anak Nenda telah Nenda beza-bezakan, malah Nenda sentiasa mengusahakan yang terbaik untuk mereka.

Moga cucu-cucu Nenda mencontohi apa yang telah Nenda lakukan ke atas anak-anak Nenda iaitu ibu-ibu dan bapa-bapa kamu dan kamu juga berusaha melakukan yang terbaik untuk diri kamu masing-masing dalam hidup.

Kalau hendak diceritakan, memang hidup Nenda semasa baru mendirikan rumah tangga dengan Datukmu dulu susah kerana Datukmu hanya bergaji kecil. Beliau hanya membawa pulang gaji \$70

seminggu.

Maka, untuk meringankan beban kewangan keluarga, Nenda telah melakukan perancangan keluarga dengan menjarakkan kelahiran anak-anak Nenda. Apabila gaji Datukmu sudah bertambah, barulah Nenda menambah jumlah anak-anak Nenda.

Sering juga Nenda terpaksa banyak berkorban dan mengalah, misalnya, memberi keutamaan makanan kepada Datuk kamu dan anak-anak kami. Untuk membantu Datuk, Nenda juga telah mengambil upah menjahit baju.

Ibarat padi, makin berisi makin tunduk, begitulah Nenda ingin sikap cucu-cucu Nenda, terutama terhadap orang tuamu sendiri. Ingatlah, dengan adanya orang tuamu, maka kamu dapat melihat alam dunia ini. Mereka juga ibarat pelita lilin yang menerangi hidupmu dan juga ibarat roda yang berputar pagi hingga petang.

Dari itu, sayangilah orang tuamu dengan mendoakan mereka hingga ke liang lahad. Walau di mana pun kamu berada, di dalam negeri atau di luar negeri, ingatlah bangsa dan bahasamu. Ingatlah, bahasa menunjukkan bangsa.

Kamu juga mesti isikan dirimu dengan pelbagai ilmu - ilmu ketakwaan, ilmu pelajaran, ilmu pemikiran, ilmu kesabaran dan ilmu kehormatan.

Nenda juga selalu bermohon pada Allah agar cucu-cucu Nenda semua sihat dan tercapai segala cita-cita. Tapi ingat, kita sebagai hamba Tuhan hanya merancang, dan Allah yang menentukan.

Sekian daripada,

Nenda

Berusia 52 tahun, Cik Neng Rohaiyah Abdul Rohim mempunyai empat orang cucu - Putra Al Matin Shahrin Anuar, 11 tahun; Andika Putra Shahrin Anuar, enam tahun; Danish Quyyum Shahrin Anuar, tiga tahun; dan Iman Qistina Shahrin Anuar, setahun.

Anaknya seramai lima orang berusia antara 16 dengan 33 tahun.